

**Najib ambil alih portfolio Shahrizat**  
**The Malaysian Insider**  
**07 April , 2012**  
**Oleh Clara Chooi**

KUALA LUMUR, 7 April - Datuk Seri Najib Razak hari ini mengumumkan beliau akan mengambil alih portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selepas Datuk Seri Shahrizat Abd Jalil meletakkan jawatan sebagai Senator esok.

Perdana Menteri membuat pengumuman itu pada satu majlis di Temerloh, Pahang hari ini, menurut Bernama Online.

Shahrizat pada 11 Mac lalu mengumumkan akan meletakkan jawatan menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat apabila tempoh sebagai Senator tamat esok.

Pengumuman itu dibuat selepas hampir lima bulan tuduhan bahawa beliau dan keluarganya menggunakan dana pinjaman mudah RM250 juta untuk menjalankan projek Pusat Fidlot Nasional (NFC), sebuah projek ternakan lembu namun menyalahguna wang itu untuk perbelanjaan peribadi.

Pusat Fidlot Corporation (NFCorp), syarikat yang diuruskan keluarga Shahrizat untuk menguruskan NFC, telah menjadi perhatian utama selepas Laporan Ketua Audit Negara tahun lalu mengatakan ia tidak mencapai sasaran pengeluaran.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider  
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-ambil-alih-portfolio-shahrizat/>